



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pembangunan PKS dan  
Keusahawanan  
Malaysia

DISINI BERMULA...

# PLANET MASMED

NO. 01

JUNE 2022

UITMCNS

ENCULTURE  
ENGAGE  
CREATE

EXCELLENT  
SYNERGY  
INTEGRITY

eISSN 2805-5535



9 7 7 2 8 0 5 5 5 3 0 0 5

# SIKAP USAHAWAN YANG CEMERLANG

EDISI JUN

Oleh:

Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli  
Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti  
Teknologi MARA Cawangan Negeri  
Sembilan, Kampus Rembau  
[ahmadazman@uitm.edu.my](mailto:ahmadazman@uitm.edu.my)

## Pendahuluan

Artikel ini membincangkan lapan sikap atau tingkah laku yang perlu dimiliki oleh usahawan bagi membolehkan mereka menjadi usahawan yang cemerlang. Cemerlang di sini bermaksud usahawan tersebut berupaya membantu organisasinya atau syarikatnya memperoleh keuntungan yang diperlukan bagi menjadikan organisasi mampu berdaya saing dalam sesuatu bidang perniagaan. Sikap-sikap tersebut ialah sikap sabar, sikap baik hati, sikap berdisiplin, sikap menghargai masa, sikap tekun, sikap inovatif serta kreatif, sikap seronok bekerja dan sikap sederhana.

### Sikap Usahawan Yang Cemerlang

#### 1. Sikap Sabar

"Sabar itu salah satu daripada cabang iman seperti kepala sebahagian daripada tubuh badan."  
(Sabda Rasulullah s.a.w)

Usahawan yang cemerlang ialah individu yang memiliki sikap sabar. Di antara ciri-ciri usahawan yang bersikap sabar ialah beliau mampu menerima sebarang cabaran atau kesukaran, tidak mudah berputus asa, pemaaf dan sentiasa tenang menghadapi sebarang masalah kerja yang rumit. Contohnya, apabila dimarahi atau ditegur oleh pelanggan, usahawan tersebut akan menghadapi teguran tersebut dengan sabar, menerima teguran tersebut dengan hati yang terbuka dan akan berusaha memperbaiki sebarang kelemahan diri. Apabila diperlukan pulang lewat daripada tempat kerja kerana menyiapkan sesuatu kerja atau menghadiri mesyuarat mengejut, usahawan tersebut akan melaksanakan kerja tersebut tanpa sebarang rungutan atau perasaan marah. Apabila dibebankan dengan kerja yang banyak, usahawan tersebut akan berusaha sedaya upaya menyiapkan kerja tersebut tanpa sebarang rungutan.

#### 2. Sikap Baik Hati

"Tidak dihitung kaya orang yang banyak harta, tetapi kaya sebenar ialah kaya jiwa."  
(Sabda Rasulullah s.a.w)

Usahawan yang cemerlang ialah individu yang memiliki sikap baik hati, terutamanya kepada kakitangan di tempat kerja dan kepada pelanggan. Di antara ciri-ciri usahawan yang mempunyai sikap baik hati ialah beliau sentiasa bersopan santun, pemaaf, ikhlas dan bertimbangrasa, bersih daripada perasaan hasad dengki, sentiasa bersimpati kepada kesusahan dan masalah individu lain, sangat pemurah, mudah mesra, mudah membantu dan bekerjasama dengan individu lain, sentiasa merendah diri, bersedia menerima teguran dan cadangan dan berlaku adil dalam semua tindakan.

#### 3. Sikap Berdisiplin

"Buruk laku itu menambahkan buruknya amalan, sebagaimana cuka merosakkan madu."  
(Imam Abu Hamid Muhammad al-Ghazali)

Usahawan yang cemerlang ialah individu yang memiliki sikap berdisiplin. Di antara ciri-ciri usahawan yang mempunyai sikap berdisiplin ialah sentiasa mematuhi peraturan organisasinya, sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama dan sentiasa menjaga imej dan maruah diri daripada sebarang perbuatan cuai dan keji. Contohnya, usahawan yang berdisiplin akan datang ke tempat kerja dan akan pulang daripada tempat kerja mengikut waktu yang telah ditetapkan, tidak mencuri harta organisasinya dan harta individu yang lain, tidak menggunakan harta dan waktu di tempat kerja untuk kepentingan diri sendiri dan sentiasa berpakaian kemas mengikut peraturan yang telah ditetapkan.



#### 4. Sikap Menghargai Masa

"An inch of time cannot be bought by an inch of gold."  
(Peribahasa Cina)

Usahawan yang cemerlang ialah individu yang memiliki sikap menghargai masa. Di antara usahawan yang mempunyai sikap menghargai masa ialah beliau sangat menepati masa, menyegerakan kerja yang sedang dilakukan, mempunyai perancangan waktu, bijak menguruskan tempoh masa yang diberikan, menumpukan masa kepada kerja-kerja yang produktif dan kreatif, menetapkan *target date* untuk menyiapkan sesuatu kerja dan menyelesaikan kerja dalam masa yang ditetapkan. Untuk membantu menguruskan masa dengan terbaik, usahawan ini akan menggunakan kaedah-kaedah tertentu seperti penggunaan *time planner* sama ada secara manual atau elektronik.

#### 5. Sikap Tekun

"Victory belongs to the most persevering."  
(Napolean Bonaparte)

Usahawan yang cemerlang ialah individu yang memiliki sikap tekun semasa melaksanakan kerja. Sikap tekun bermaksud usahawan memberikan sepenuh tumpuan kepada sesuatu kerja sehingga kerja tersebut berjaya disiapkan dengan sempurna. Di antara ciri-ciri usahawan yang mempunyai sikap tekun ialah mereka sangat gigih dalam melaksanakan sebarang kerja, sentiasa bersemangat dalam melaksanakan sebarang kerja, sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi menyiapkan sesuatu kerja, sentiasa cekal menghadapi sebarang kesulitan semasa bekerja dan sentiasa bercita-cita tinggi untuk menghasilkan *output* kerja yang terbaik.

#### 6. Sikap Inovatif serta Kreatif

"Real joy comes not from ease or riches or from the praise of men, but from doing something worthwhile."  
(Sir Wilfred Grenfell)

Usahawan yang cemerlang ialah individu yang memiliki sikap inovatif dan kreatif. Inovatif bermaksud sesuatu yang baru yang diperkenalkan atau dimaklumkan (seperti kaedah, sistem dan peralatan). Kreatif pula bermaksud kemampuan atau kebolehan mencipta. Di antara ciri-ciri usahawan yang mempunyai sikap inovatif dan kreatif ialah mereka sentiasa mencari idea dan kaedah baru dalam menyelesaikan masalah, berani mencuba dengan teknik dan kaedah baru bagi memudahkan sesuatu kerja dan suka bermain dengan idea dan berani mencuba sesuatu yang baru. Sikap sebegini sangat bagus diamalkan kerana ia dapat membantu organisasi menyelesaikan masalah-masalah dalaman dan seterusnya membantu memajukan organisasi.

#### 7. Sikap Seronok Bekerja

"Work done spontaneously and joyfully is never oppressive."  
(Mahatma Gandhi)

Usahawan yang cemerlang ialah individu yang memiliki sikap yang memandang kerja itu sesuatu yang menyeronokkan dan bukan suatu bebanan. Di antara ciri-ciri usahawan yang mempunyai sikap seronok bekerja ialah mereka menganggap kerja sebagai ibadat, mempunyai inisiatif sendiri terutamanya dalam menyelesaikan permasalahan kerja, mempunyai komitmen terhadap kerja dan sedia memberi kerjasama kepada setiap lapisan kakitangan di organisasi tempat bekerja.

#### 8. Sikap Sederhana

"Only those who have the patience to do simple things perfectly ever acquire the skill to do difficult things easily."  
(Johann C. Schiller)

Usahawan yang cemerlang ialah individu yang memiliki sikap bersederhana dalam setiap pekerjaan hariannya. Sikap bersederhana yang dimaksudkan di sini adalah sikap yang menolak keterlaluan, sama ada keterlaluan dalam menetapkan sesuatu perbelanjaan, peraturan dan sebagainya. Sikap kesederhanaan akan menimbulkan keadaan di organisasi tempat bekerja yang kemas, selesa dan harmoni. Di antara ciri-ciri usahawan yang mempunyai sikap bersederhana ialah beliau tidak tamakkan pangkat dan kedudukan, tidak membazir dalam membelanjakan wang organisasi, berjimat cermat, senang didampingi oleh semua pihak, tidak menunjukkan kemewahan dan sebagainya.

#### Kesimpulan

Usahawan perlu memiliki sikap-sikap tertentu untuk membolehkan mereka menjadi usahawan yang cemerlang. Artikel ini telah membincangkan lapan sikap iaitu sikap sabar, sikap baik hati, sikap berdisiplin, sikap menghargai masa, sikap tekun, sikap inovatif serta kreatif, sikap seronok bekerja dan sikap sederhana. Diharap perbincangan di dalam artikel ini dapat membantu meningkatkan lagi pengetahuan para pembaca tentang sikap-sikap usahawan yang cemerlang.